

Kadar inflasi Julai terendah sejak Mac 2015

KUALA LUMPUR 24 Ogos - Indeks harga pengguna (IHP) bagi bulan Julai mencatatkan penurunan daripada 1.6 peratus kepada 1.1 peratus pada bulan sebelumnya menjadikan ia berada dalam kadar sederhana buat kali keenam berturut-turut.

Penganalisis Ekonomi AllianceDBS Research, M. Manokaran berkata, pada bulan tersebut juga mencatatkan pengembangan sederhana dalam CPI disokong oleh kenaikan harga barangan utama termasuk makanan dan minuman



MANOKARAN MOTTAIN

man bukan beralkohol sebanyak 3.8 peratus dan utiliti perumahan 2.4 peratus.

Ujarnya, kadar inflasi bagi bulan Julai selaras dengan unjuran yang dibuat *Bloomberg*, sekali gus menjadi kadar yang terendah yang direkodkan sejak Mac tahun lalu.

Bagaimanapun beliau berkata, trend

IHP daripada sektor makanan dan pengangkutan menunjukkan bahawa tekanan harga terus kekal tinggi biarpun pada kadar yang lebih perlahan.

"Pada masa ini, kita lihat risiko lemah inflasi disebabkan tarikan permintaan berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka sederhana pada kadar 4.1 peratus pada separuh kedua 2016," katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Sementara itu, MIDF Research menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) mungkin mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas pada September ini.

"Dengan kadar inflasi menghampiri satu peratus, kami percaya ia memberi ruang yang secukupnya bagi BNM untuk mengurangkan lagi kadar OPR.

"Selain itu, terdapat tanda-

tanda kemerosotan dalam permintaan domestik seperti yang digambarkan oleh kadar sewa rumah dan makanan luar dan pengurangan OPR akan membantu mengekalkan pertumbuhan yang melebihi empat peratus pada suku tersebut," katanya.

Firma penyelidikan itu turut menyemak semula unjuran inflasi bagi tahun ini iaitu pada kadar 2.3 peratus berbanding 2.6 peratus disebabkan harga minyak dijangka turut stabil sehingga hujung tahun.

"Pada masa yang sama kami menjangkakan kadar inflasi bagi Jun berada pada tahap 1.3 peratus," jelas firma itu.

Pada masa ini, kita lihat risiko lemah inflasi disebabkan tarikan permintaan berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka sederhana pada kadar 4.1 peratus pada separuh kedua 2016."

M. MANOKARAN
Penganalisis Ekonomi
AllianceDBS Research